

# KOREA + EVERLAND THEME PARK

6 HARI 4 MALAM



KPL/LN 7816 1114604 - D  
**Hadigo**  
Travel & Tours Sdn Bhd

MEMUDAHKAN PERCUTIAN ANDA!

Pejabat Urusan: No 12-2, Ken Rimba  
Jalan Lengkuas C, 16/C, Seksyen 16  
40200 Shah Alam, Selangor.

**HOTLINE: 6012-675-6884**

# 6H4M KOREA + EVERLAND THEME PARK



## 3★ Hotel

Incheon Riviera Verium Hotel 1 Mlm  
Seoul Golden City Hotel 3 Mlm

## Penerangan

HARI 1	D7 504 KUL / ICN	ETD 2220 ETA 0610 <sup>+1</sup>
HARI 6	D7 505 ICN / KUL	ETD 0725 ETA 1225



PERBEZAAN  
WAKTU

GMT+9

South Korean Won  
KRW1000  
= Ringgit Malaysia  
MYR3.30



Everland Flower Garden

## HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar.
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: **Nami Island**, **Soyanggang Skywalk** dan **Gyeongbokgung Palace**.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: **Everland Theme Park**.
- Pengangkutan feri ke **Nami Island**.
- Pengangkutan golf cart di **Haneul Park**.
- Kos pemprosesan visa (untuk warganegara Malaysia sahaja).
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
- Tip untuk tour leader, tour guide dan pemandu bas persiaran.

## HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Urusan permohonan visa (perlu dilakukan oleh travel agent sendiri).
- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcay tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

6H4M

# KOREA + EVERLAND THEME PARK

Seoul – Incheon - Chuncheon - Everland

**M** Melancong.my

## HARI 1

Kuala Lumpur - Incheon

- Berkumpul di KLIA Terminal 2 untuk menaiki penerbangan ke Incheon.

## HARI 2



MT/MM

Seoul

Lawatan di Chuncheon:

- Nami Island:** Pulau yang cukup terkenal sebagai lokasi penggambaran Winter Sonata dan mempunyai tarikan pemandangan semulajadi yang berbeza mengikut musim.
- Soyanggang Skywalk:** Rasai pengalaman berjalan kaki merentasi Uiamho Lake di atas jambatan berlantaikan kaca sepanjang 174m.
- Gubongsan Observatory Cafe Street:** Nikmati pemandangan panorama indah bandar Chuncheon berlatarbelakangkan gunung, tasik, sungai dan jambatan berkembar Soyang Bridge dari kawasan tinjau Gubongsan Mountain.
- Bukchon Hanok Village:** Sebuah perkampungan tradisional Korea di Seoul dengan sejarah panjang yang terletak di puncak bukit antara Istana Gyeongbok, Istana Changdeok dan Tokong Diraja Jongmyo.

Bermalam di Seoul.

## HARI 3



SP/MT/MM

Seoul - Everland

- Masa bebas untuk berhibur dan bermain bersama keluarga di taman tema Everland Theme Park yang menawarkan pelbagai tarikan yang menarik dan menjadi lokasi tumpuan rakyat tempatan berhibur. Antara tarikan di situ ialah roller coaster, show parade, istana kanak-kanak, taman bunga dan lain-lain.



Everland Theme Park

- Membeli-belah di kawasan terkenal tengah bandar iaitu Dongdaemun Design Plaza yang terkenal dengan rekabentuknya yang unik.


Bermalam di Seoul.



## HARI 4 SP/MT/MM Seoul

### Lawatan di Seoul:

- **Gwanghwamun Gate:** Pintu masuk utama ke istana dan jangan lepaskan peluang melihat upacara pertukaran pengawal yang dilakukan sejak dari tahun 1469 sehingga ke hari ini.
- **Gyeongbokgung Palace:** Dibina pada tahun 1395 ketika era Dinasti Joseon, istana pemerintahan ini merupakan yang terbesar dan tercantik di Korea.
- **National Folk Museum:** Memaparkan pelbagai barang tradisional orang Korea seperti pakaian, senjata, perkakasan dan juga corak kehidupan mereka pada zaman dahulu.
- Bersiar-siar di **Itaewon Street** yang merupakan kawasan tumpuan penduduk tempatan dengan pelbagai jenis makanan jalanan, persembahan artis jalanan dan kafe-kefe.
- Bersolat di **Seoul Central Mosque** yang dibina pada tahun 1976 dan satu-satunya masjid di tengah kota Seoul.
- Membeli-belah di Ginseng Center, Red Pine Tree Shop, Cosmetic shop, dan Amethyst Shop.
- Membeli-belah di kawasan terkenal **Myeongdong Market** dan **Namdaemun Market** untuk membeli cenderamata atau pakaian termasuklah butik-butik yang berjenama.



Cheonggyecheon Stream

- Bersiar-siar di sepanjang laluan pejalan **Cheonggyecheon Stream** sambil menonton persembahan lampu dan air yang terdapat di sepanjang sungai ini.

Bermalam di Seoul.

## HARI 5 SP/MT/MM Seoul - Incheon

### Lawatan di Seoul:

- **Starfield Library:** Perpustakaan awam yang terletak di dalam COEX Mall ini menempatkan ribuan jenis buku dan merupakan lokasi terkenal untuk pelancong berfoto.
- Bersiar-siar di **Apgujeong Rodeo Street** yang terletak di Gangnam, yang juga digelar Beverly Hills Korea kerana kawasan ini dipenuhi dengan segala macam jenis butik pakaian berjenama dan berfoto dengan GangnamDols kumpulan K-Pop di **K-Star Road**.
- Melihat cara penghasilan rumpai laut di **Seaweed Museum** dan berfoto sambil memakai pakaian tradisional orang Korea, Hanbok.
- Membeli-belah di Amethyst Factory & Cosmetic Shop.
- **Hanuel Park:** Taman yang terletak di dalam kawasan World Cup Park ini merupakan lokasi terbaik untuk bergambar bagi foto Instagram dengan tumbuhan dan pokok-pokok di sekitarnya berubah ikut musim dan juga terdapat menara tinjau yang menawarkan pemandangan 360° kotaraya Seoul.
- **Hongdae University Street:** Bersiar-siar dan membeli cenderamata atau barang kraftangan saat akhir di kawasan yang menjadi tumpuan para pelajar universiti.

Bermalam di Incheon.

## HARI 6 SP Seoul - Incheon - Kuala Lumpur

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur (tiba di KLIA Terminal 2).